



**JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**



KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor - kontraktor penyiap yang telah diberikan **Sijil Kontraktor Penyiap** oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Berdaftar di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) / PUKONSA / UPKJ dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER	TAJUK PROJEK	TARAF/ JENIS SYARIKAT*	GRED, KATEGORI & PENGKhususan/ KELAS	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP
Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Plaza Permata (IGB), Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak 50400 KUALA LUMPUR	No. Tender : JLN/T/04/2019 Cadangan Menyiapkan Kerja-Kerja Tertinggal Bagi Pembangunan Taman Awam Bentong, Pahang	Terbuka *T1	Mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap dari Kementerian Kerja Raya (KKR) dan i. Berdaftar dengan CIDB Gred G4 atau G5 Kategori B04 Kerja – Kerja Pembinaan Bangunan, CE14 Landskap di luar Bangunan dan CE21 Pembinaan Kejuruteraan Awam ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Atau UPKJ Kelas B atau A, Kepala I Sub Kepala 1, Kepala II Sub kepala 2, dan Kepala VI Sub Kepala 5 (a) Atau PUKONSA Kelas C atau B, Tajuk I Tajuk Kecil 1, Tajuk II Tajuk Kecil 2(a) dan Tajuk VI Tajuk Kecil 6 (a) DAN Mempunyai Pengalaman dalam Pembinaan Kerja Landskap *Sila bawa salinan sijil & cop syarikat	Jabatan Landskap Negara, Tingkat 15, Plaza Permata-IGB, Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur Tarikh Dokumen Dijual: 9 Okt 2019 (Rabu) Hingga 22 Okt 2019 (Selasa)	RM 720.00 (Tidak akan dikembalikan) Akauntan Negara Malaysia-KW-T	Jabatan Landskap Negara Tingkat 15 Plaza Permata (IGB), Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak 50400 KUALA LUMPUR Tarikh Tutup Tender: 31 Okt 2019 (Khamis) Waktu: 12.00 tengah hari

TAKLIMAT TENDER DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN

Tempat Dan Tarikh Melapor Diri Bagi Lawatan Tapak :

8 Oktober 2019 (Selasa) jam 10:00 pagi di Bilik Mesyuarat, Majlis Perbandaran Bentong, Pahang
Kenderaan tidak disediakan pada waktu lawatan tapak.

PERINGATAN :

Tender ini mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil UPKJ, PUKONSA atau Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap dari Kementerian Kerja Raya (KKR) yang boleh menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak, wakil adalah TIDAK dibenarkan. Sila bawa bersama SIJIL ASAL dan Salinan Pendaftaran PPK, SPKK, UPKJ, PUKONSA, Sijil Kontraktor Penyiap dan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan (jika berkaitan) semasa taklimat dan lawatan tapak. Tarikh laku sijil-sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup tender. Dokumen tender tidak akan dijual kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut dan tidak menghadiri taklimat / lawatan tapak yang telah ditetapkan.

Petender TIDAK DIBENARKAN untuk menyertai taklimat tender dan seterusnya menyertai tender ini sekiranya petender didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan semasa taklimat tapak diadakan. Mana – mana petender yang mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Tender Di Luar Bidang Pengkhususan" atau surat "Kebenaran Khas Menyertai Tender bagi Gred yang lebih tinggi / rendah" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah TIDAK DITERIMA

SILA BAWA COP BERALAMAT UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN PENDAFTARAN SEMASA TAKLIMAT TAPAK DIJALANKAN.

1. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank, kiriman wang atau wang pos atas nama **Akauntan Negara Malaysia-KW-T**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau **cek tidak akan diterima**.
2. Dokumen tender yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Tender di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Landskap Negara, Tingkat 15, Plaza Permata IGB, Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak, 50400 KUALA LUMPUR** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 31 Oktober 2019 (Khamis)** bagi Tender No. **JLN/T/04/2019** dan Kementerian Wilayah Persekutuan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dikemukakan melalui pos. Kementerian Wilayah Persekutuan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
3. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat www.jln.gov.my dan web rasmi Kementerian Wilayah Persekutuan di alamat www.kwp.gov.my dan web myprocurement di alamat www.myprocurement.treasury.gov.my.
4. *Jenis Pendaftaran:
 - T1 – Syarikat 100% milik warganegara.
 - A1 – Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia dan warganegara dengan syarat pegangan saham individu yang tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
 - A2 – Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia ATAU syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira samaada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.